

08 DEC 1996

Rozali-jawatan

EXCO BEKAS S46 UMUM LETAK JAWATAN BERKUATKUASA ESOK

KOTA BAHARU, 8 Dis (Bernama) -- Tiga anggota Exco bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) hari ini mengumumkan peletakan kesemua jawatan mereka dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan berkuatkuasa esok, kenyataan yang menamatkan krisis dalaman kerajaan negeri ini antara PAS-S46 yang berlarutan sejak enam bulan lepas.

Timbalan Menteri Besar II Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata beliau bersama dengan dua lagi anggota Exco, ketiga-tiga mereka kini menjadi anggota Umno telah menyerahkan surat peletakan jawatan itu kepada Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pagi ini melalui Setiausaha Sulit Menteri Besar Haji Alui Abdul Aziz.

"Mulai esok, selaras dengan arahan Presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Majlis Tertinggi (MT), kami tidak lagi menjadi anggota Exco kerajaan negeri," katanya pada sidang berita di pejabat Umno di sini.

Turut hadir ialah dua lagi anggota Exco berkenaan - Nik Mustapha Nik Loding dan Daud Jaafar - serta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa.

Melalui kerjasama Angkatan Perpaduan Ummah (APU) di Kelantan, S46 mempunyai empat anggota exco dalam kerajaan negeri manakala PAS lima anggota. Seorang lagi anggota Exco S46 Kapt (B) Mohd Nor Ahmad meninggal dunia Rabu lepas.

Rozali juga berkata salinan surat peletakan jawatan itu turut dihantar hari ini kepada Sultan Kelantan dan Dr Mahathir.

Menurutnya Sultan Kelantan memberi perkenan langkah mereka meletak jawatan ketika menghadap Sultan di Istana Mahkota di sini malam Selasa lepas.

Kami telah mendapatkan pandangannya dan Tuanku tiada halangan serta menyerahkan kepada budibicara kami kerana Tuanku tidak mahu campur dalam hal ini, katanya.

Ketika membacakan kenyataan akhbar dua muka surat yang ditandatangani oleh ketiga-tiga mereka, Rozali menggariskan lima perkara yang menyebabkan mereka mengambil keputusan melepaskan jawatan itu.

Antaranya kerana mereka akur kepada arahan MT sebagai anggota Umno dan kerajaan negeri pimpinan Pas sejak dibentuk enam tahun lepas gagal menunaikan janji menegakkan ajaran Islam malahan Undang-undang Hudud yang diluluskan Dewan Undangan Negeri tiga tahun lepas "bukan sahaja gagal malahan dipolitikkan".

Ditanya kenapa mereka mengambil masa untuk meletak jawatan sedangkan arahan MT dibuat minggu lepas, Rozali berkata ia tidak dapat dielakkan berikutan kematian Mohd Nor dan kepentingan mereka untuk terus berada dalam kerajaan negeri bagi "menjaga kedudukan beberapa pegawai kerajaan yang bergantung kepada mereka".

Rozali berkata misi mereka kini ialah untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Pulau Chondong.

Katanya pengalamannya bersama PAS sejak beberapa tahun lepas amat berharga bagi membantu Umno menyusun strategi menentang parti itu.

Sementara itu Annuar berkata pada masa ini bekas anggota S46 diterima sepenuhnya oleh anggota Umno dan tidak wujud sebarang perbezaan.

Kita kini menyusun langkah bekerjasama menuju satu matlamat akhir iaitu membantu Umno menawan semula Kelantan, katanya. -- BERNAMA

RAR RON

